




Masjid Al-Aqsa dan Israk Mikraj





Pengenalan

Masjid Al-Aqsa, yang terletak di Kota Lama Baitul Maqdis (Jerusalem), adalah salah satu masjid tersuci dalam Islam. Ia memiliki sejarah yang panjang sebagai tempat ibadah, pusat ilmu dan simbol perpaduan umat Islam.

Israk Mikraj adalah peristiwa luar biasa yang berlaku pada malam yang sama, di mana Nabi Muhammad SAW diperjalankan dari Masjidil Haram ke Masjid Al-Aqsa (Israk) dan seterusnya ke langit (Mikraj).

Masjid Al-Aqsa

Baitulmaqdis mempunyai kedudukan istimewa dalam Islam kerana menjadi destinasi antara peristiwa terbesar dalam sirah Nabi Muhammad SAW, iaitu Israk dan Mikraj.

Ini dirakamkan dalam Al-Quran:

“Maha suci Allah SWT yang menjalankan hamba-Nya (Nabi Muhammad SAW) pada malam hari dari Masjidil Haram (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di **Baitulmaqdis**) yang diberkati sekelilingnya, bagi menunjukkan bukti kebesaran Allah SWT, sesungguhnya Allah SWT Maha Mendengar lagi Maha Melihat.” (Al-Isra’: 1)



Masjid Al-Aqsa

Masjid Qubbat As-Sakhrah atau Masjid Batu ini juga dikenali dengan warna kubahnya yang berwarna kuning keemasan, berada di tengah-tengah kawasan Masjidil Aqsa.

Kedua adalah masjid yang kubahnya berwarna hijau tua iaitu Masjid Qibli, yang merujuk kepada qiblat pertama umat Islam atau juga dipanggil Masjid Juma'ah.

Di hadapannya adalah Masjid Umar di mana Saidina Umar Al-Khattab bersolat di situ.





Kepentingan Masjid Al-Aqsa



- Sejak zaman Nabi Adam (AS) hingga Nabi Muhammad (SAW), Masjid Al-Aqsa telah menjadi titik penting bagi banyak peristiwa Islam yang penting.
- Rasulullah (SAW) telah berpesan kepada umat Islam supaya solat di dalam masjid kerana ia adalah lambang kebesaran Allah SWT dan merupakan salah satu daripada tiga masjid yang paling suci dalam Islam.
- Masjid Al-Aqsa adalah kiblat pertama umat Islam sebelum dipindahkan ke Kaabah di Makkah.
- Di sini juga tempat persinggahan perjalanan mulia kekasih Allah ketika Israk dan Mikraj.
- Di masjid ini juga Baginda melakukan solat bersama dengan sekalian Nabi yang lain.



Israk Mikraj

- Israk Mikraj merupakan peristiwa dalam kalendar Islam yang sangat dekat dengan jiwa para muslim. Selain terikat dengan sirah Nabi Muhammad SAW, Israk Mikraj merupakan satu keajaiban yang bukan sahaja membuktikan kuasa Allah SWT tetapi turut mengangkat kedudukan Masjid Al-Aqsa (Baitul Maqdis).
- Israk Mikraj adalah peristiwa ajaib yang menyaksikan perjalanan Nabi Muhammad SAW dari Mekah ke Sidratul-Muntaha dengan tunggangannya, Buraq.
- Perkataan Israk Mikraj membawa maksud dua perjalanan Nabi Muhammad SAW.
- Israk – perjalanan peringkat pertama di bumi, bermula dari Mekah ke Masjid Al-Aqsa (Baitul Maqdis).
- Mikraj – perjalanan peringkat kedua iaitu bermula dari Masjid Al-Aqsa ke Sidratul Muntaha.






Israk Mikraj

Kisah perjalanan pertama Nabi Muhammad SAW telah diceritakan di dalam surah Al-Israa', ayat satu:

"Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui." (Surah Al-Isra')



Israk Mikraj



Perjalanan kedua pula direkodkan di dalam surah An-Najm, ayat 11 hingga 17:

"Hatinga tidak mendustakan apa yang dilihatnya. Maka apakah kamu hendak membantahnya tentang apa yang dia lihat itu? Padahal sesungguhnya dia telah melihatnya sekali lagi. Di sisi Sidratul Muntaha. Yang di sisinya ada syurga tempat kembali. Tatkala Sidratul Muntaha itu diliputi oleh sesuatu yang meliputi. Tidak berpaling penglihatan matanya dan tidak dia melampui batas."

(Surah An-Najm, ayat 11 hingga 17)

Menariknya, peristiwa Israk Mikraj tidak terhenti setakat ini kerana hubungannya dengan Masjid al-Aqsa lebih daripada apa yang telah dirincikan di atas. Malah, peristiwa tersebut sebenarnya adalah bukti kepentingan Masjid al-Aqsa demi pembebasan Baitul Maqdis.

Masjid Al-Aqsa dan Israk Mikraj

Telah direkodkan bahawa dalam peristiwa Israk Mikraj, Nabi Muhammad SAW telah bertemu dengan para nabi dan rasul, malah turut mengimami mereka di dalam solat. Difahamkan solat jemaah itu didirikan di dalam Masjid Al-Aqsa dan pertemuan Nabi Muhammad SAW dengan para nabi serta rasul merupakan simbolik kepada penyerahan tampuk pimpinan ummah kepada Baginda.

Detik istimewa itulah yang disifatkan sebagai "turning point" bagi seluruh umat Islam untuk bersaksi bahawa Nabi Muhammad SAW adalah pesuruh Allah SWT. Tidak cukup dengan itu, Masjid Al-Aqsa merupakan indikasi kepada akidah umat Islam sebagaimana keajaiban inilah yang mengukur kepercayaan Saidina Abu Bakar RA terhadap Nabi Muhammad SAW dan keesaan Allah SWT sehingga beliau dikurniakan dengan gelaran as-Siddiq.

Masjid Al-Aqsa dan Israk Mikraj

Apabila orang menyatakan kepadanya apakah dia percaya keterangan Nabi Muhammad SAW bahawa Baginda tadi malam solat di Masjid Al-Aqsa, beliau telah menjawab dengan jawapannya yang terkenal,

“Jangankan keterangannya bahawa dia telah solat di Masjid Al-Aqsa, bahkan keterangannya yang lebih daripada itu, keterangannya bahawa dia baru saja kembali dari langit dan membawa berita langit, saya pun percaya. Saya percaya!”.





Kesimpulan

Israk Mikraj adalah peristiwa luar biasa yang berlaku dalam satu malam, di mana Nabi Muhammad SAW diperjalankan dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjid Al-Aqsa di Baitul Maqdis (Israk) dan kemudian diangkat ke langit (Mikraj). Ia adalah mukjizat besar yang mengandungi pelbagai pengajaran penting untuk umat Islam.

Peristiwa Israk Mikraj mengajarkan umat Islam untuk memperkukuh keimanan, mengutamakan ibadah khususnya solat dan menghargai kesucian serta sejarah Masjid Al-Aqsa. Ia mengingatkan umat Islam untuk mempertahankan amanah dan menjadi pembela agama dengan tetap menjaga ukhuwah, integriti dan hubungan dengan Allah SWT.

Semoga peristiwa ini terus menginspirasi kita untuk menjadi hamba Allah yang lebih taat dan bersatu dalam menghadapi cabaran dunia.



Pengajaran

1. Pentingnya Solat Lima Waktu:

- Salah satu anugerah terbesar dari peristiwa Mikraj adalah kewajipan solat lima waktu yang diterima secara langsung oleh Rasulullah SAW. Ini menunjukkan betapa pentingnya solat sebagai tiang agama dan komunikasi langsung dengan Allah SWT.

2. Keutamaan Masjid Al-Aqsa:

- Masjid Al-Aqsa menjadi saksi peristiwa Israk dan merupakan kiblat pertama umat Islam sebelum Masjidil Haram. Ia adalah salah satu masjid suci yang disebutkan dalam Al-Quran, memperkukuhkan kedudukannya dalam sejarah dan keimanan Islam.

3. Ujian Keimanan:

- Israk Mikraj menjadi ujian keimanan, baik kepada para sahabat Rasulullah SAW mahupun umat Islam secara umum. Ia menuntut keyakinan kepada mukjizat dan kekuasaan Allah, walaupun melampaui logik akal manusia.



Pengajaran

4. Penyatuan Umat dan Nabi-Nabi:

- Dalam perjalanan ini, Rasulullah SAW bertemu dengan para nabi terdahulu, menandakan kesinambungan risalah tauhid dan menunjukkan kepimpinan beliau sebagai Nabi terakhir yang memimpin seluruh umat manusia.

5. Masjid Al-Aqsa sebagai Simbol Perpaduan:

- Masjid Al-Aqsa menjadi simbol perpaduan dan tanggungjawab umat Islam dalam menjaga tempat suci ini dari ancaman dan penodaan. Ia mengingatkan umat Islam untuk bersatu dan menegakkan keadilan.



Sumber

- Jabatan Jakim Islam Malaysia –JAKIM
- <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/04/548831/israk-mikraj-angkat-kedudukan-baitulmaqdis-masjid-al-aqsa>
- <https://ecentral.my/masjidil-aqsa/>
- <https://www.cgm.com.my/blog/israk-mikraj-masjid-al-aqsa-ikatan-yang-tiada-noktah>
-





Terima Kasih

